

17 SEP 2003

Parlimen-Noh

PAS DIBIDAS PERSOALKAN KEIKHLASAN DR MAHATHIR UNTUK BERSARA

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- PAS hari ini dibidas kerana sengaja menjadikan soal keikhlasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk bersara bulan depan sebagai isu politik.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar, berkata menerusi ceramah-ceramah mereka, PAS sering mempertikaikan sama ada Dr Mahathir akan berpegang pada janjinya untuk berundur seperti yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri sebelum ini.

"Di dalam ceramah-ceramah, mereka berkata mereka percaya Perdana Menteri tidak akan meletak jawatan hujung Oktober ini. Sebab apa (mereka) beranggapan demikian, mungkin mereka mahu menunjukkan kepada rakyat bahawa Dr Mahathir tidak akan menunaikan janji, kononnya beliau tidak konsisten dan berubah-ubah," katanya ketika bercakap kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

Katanya PAS juga mempersoalkan kredibiliti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti kepada Dr Mahathir seolah-olah mahu melaga-lagakan kedua-duanya.

"Sekarang ini nampaknya mereka begitu angkat tinggi Perdana Menteri dan cuba merendah-rendahkan kebolehan timbalannya. Ini politik jahat pembangkang di mana sesiapa yang akan menjadi pemimpin negara, merekalah yang akan menerima serangan daripada mereka," katanya.

Noh berkata memandangkan Abdullah telah dinamakan sebagai pengganti Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri, maka PAS bertindak menyerang beliau pula, seperti mana yang berlaku kepada bekas Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika beliau menjadi menteri kabinet.

"Tetapi bila mereka lihat ada kepentingan politik daripada pemecatannya (Anwar), mereka ambil kesempatan dan menjadikannya jaguh dan hero. Inilah corak politik mereka, bukannya politik yang boleh membetulkan keadaan tetapi politik yang memberikan pandangan yang menanam perasaan benci kepada rakyat," katanya.

Sebelum itu ketika sesi soal jawab, Wan Nik Wan Yussof (PAS-Bachok) telah bertanya tentang sejauh mana kebenaran Perdana Menteri akan meletakkan jawatannya bulan depan.

Noh berkata walaupun terdapat desakan termasuk oleh pemimpin-pemimpin negara asing dan masyarakat antarabangsa supaya Dr Mahathir membatalkan hasrat untuk berundur, tetapi beliau tetap dengan keputusannya untuk bersara.

"Ketegasannya itu menunjukkan beliau mempunyai keyakinan bahawa penggantinya akan dapat melaksanakan tugas dengan baik dan cekap sebagai Perdana Menteri kelak," katanya.

Kepada soalan Zawawi Ahmad (PAS-Padang Terap), Noh berkata berdasarkan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2000, jumlah penduduk negara ini adalah 23,274,690 orang, hampir separuhnya daripadanya kaum Melayu.

Daripada jumlah itu, 11.7 juta adalah Melayu, 2.6 juta Bumiputera lain, 5.7 juta kaum Cina, 1.7 juta kaum India dan 269,000 etnik lain.

Mengikut pecahan, Selangor mempunyai penduduk paling banyak iaitu 4.2 juta orang, diikuti Johor 2.7 juta, Sabah 2.6 juta, Perak dan Sarawak masing-masing 2.1 juta, Kedah 1.6 juta, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1.4 juta, Kelantan, Pahang dan Pulau Pinang masing-masing 1.3 juta, Terengganu 899,000, Negeri Sembilan 860,000, Melaka 636,000, Perlis 204,000 dan Wilayah Persekutuan Labuan 36,000.

Bancian itu menunjukkan bahawa bilangan lelaki adalah 50.9 peratus dan

wanita 49.1 peratus.

Daripada segi usia, kaum belia iaitu mereka yang berumur antara 15 dan 44 tahun mencatatkan pecahan tertinggi iaitu 49 peratus berbanding 6.3 peratus bagi warga tua yang berusia lebih 50 tahun dan selebihnya peringkat umur 14 tahun ke bawah.

"Bancian yang dilakukan setiap 10 tahun sekali ini, penting untuk kerajaan membuat perancangan strategik bagi pembangunan negara," katanya.

-- BERNAMA

SNS SNS MAI